

Budaya Kebergantungan terhadap Dana Kewangan Felda: Kajian Kes Pemimpin Belia Felda

Culture of Dependency's on Felda Financial Funds: A Case Study of Felda Youth Leaders

Nik Hasrul Mohd Zainudin dan Muhammad Idris Bullare @ Bahari
Universiti Malaysia Sabah

Corresponding author: hasrul.mz@felda.net.my

Dihantar: 11 November 2021 / Diterima: 15 Disember 2021

Received date: 11 November 2021 / Accepted date: 15 December 2021

DOI: <https://doi.org/10.51200/jpks.v5i1.5695>

Kajian ini adalah bertujuan untuk memahami budaya kebergantungan daripada perspektif pemimpin belia di tanah rancangan Felda. Kajian menggunakan kaedah kualitatif sebagai reka bentuk kajian menerusi kaedah temu bual. 11 orang pengurus atau ketua yang mewakili 11 wilayah Felda yang dipilih sebagai responden kajian bagi memahami budaya kebergantungan belia di wilayah masing-masing. Berdasarkan hasil analisis temu bual yang dijalankan menemui terdapat tiga tema asas yang muncul iaitu budaya kebergantungan terhadap dana untuk menjalankan aktiviti belia, pemberian dana oleh pihak Felda untuk menjalankan aktiviti ekonomi dan program penajaan pendapatan oleh Felda. Ketiga-tiga tema asas ini telah membentuk tema utama iaitu budaya kebergantungan pemimpin belia terhadap dana kewangan Felda. Budaya kebergantungan ini menyebabkan mereka sentiasa mengharapkan bantuan dana daripada Felda. Oleh yang demikian, bagi menjadikan belia sebagai peneraju tanah rancangan Felda, mereka perlu dipersiapkan untuk menjadi pelapis pada masa akan datang bagi membolehkan mereka membangunkan kelompok komuniti mereka di samping mengetengahkan cara lain untuk diberikan kepada mereka agar tidak terus mengamalkan budaya kebergantungan terhadap Felda.

Kata kunci: konsep kebergantungan, dana kewangan, belia, pemimpin belia, Felda

This research aims to understand dependency culture from the perspective of youth leaders on Felda plan lands. The study used qualitative methods as the study design of the interview method. 11 chairmen or heads representing 11 Felda regions were selected as study respondents. Based on the analysis of the interviews conducted, three basic themes were discovered: dependence on funds to carry out youth related activities, provision of funds by Felda to carry out economic activities and income generation program by Felda. These three basic themes have formed the main theme related to the culture of dependency of youth leaders on Felda financial funds. This culture of dependency causes them always to expect financial assistance from Felda. Therefore, for the youths as the leaders of the Felda land plan, they need to be prepared to be the backbone in the future for them to design their community groups as well as highlight other ways to be given to them not to continue to practice a culture of dependence on Felda.

Keywords: concepts of dependency, financial funds, youth, youth leaders, Felda

Belia merupakan golongan aspirasi negara yang menerajui kepimpinan dan kelangsungan kehidupan pada masa akan datang. Belia merupakan populasi terbesar penduduk dunia masa kini dan dijangkakan akan berlaku peningkatan sebanyak 1.3 bilion orang lagi menjelang tahun 2030 (Mohd Uzaini & Suhana, 2012). Penyertaan dan penglibatan aktif golongan belia dalam masyarakat dan amalan demokrasi adalah sangat penting sebagai tindak balas terhadap usaha memenuhi keperluan dan jaminan bahawa hak asasi mereka diiktiraf dan dikuatkuasakan (United Nation, 2013). Pengupayaan melalui penglibatan dan juga penyertaan belia merupakan petunjuk utama dalam program pembangunan belia. Penekanan terhadap penyertaan belia yang berkesan adalah dengan mewujudkan peluang untuk golongan belia terlibat dalam mempengaruhi, membentuk, mereka bentuk dan menyumbang kepada dasar dan pembangunan perkhidmatan serta program-program yang dilaksanakan kerajaan (Mohd Uzaini & Suhana, 2012).

Sejak tahun 1970-an, jurang antara negara-negara kaya dan miskin telah muncul sebagai isu utama dalam

masyarakat dunia (Namkoong, 1999). Sejak tahun 1960-an, berdasarkan strategi difusi, banyak projek untuk pembangunan negara-negara Dunia Ketiga telah dicuba (Wilber, 1991). Namun, keadaan negara-negara Dunia Ketiga tidak berubah, malah semakin buruk dan teori kebergantungan telah muncul sebagai pendekatan alternatif untuk pembangunan serta pembangunan dalam ekonomi politik antarabangsa (Namkoong, 1999). Teori kebergantungan adalah teori popular dalam sains sosial untuk menjelaskan perkembangan ekonomi negeri (Joseph, 2016). Kini diakui secara meluas bahawa bantuan sosial diperlukan untuk mengatasi rasa tidak selamat dan kerentanan yang dialami oleh orang-orang miskin. Namun terdapat halangan untuk kemajuan bantuan sosial ini apabila ia sering dikaitkan dengan 'sindrom kebergantungan' (Mollona, Aivazidou, Barberio, Cunico, & Pareschi, 2019).

Generasi baharu Felda mempunyai kelebihan dalam pelbagai aspek seperti; keusahawanan pertanian moden, seni reka, pelancongan dan teknologi makanan. Buah fikiran dan tenaga mereka amat diperlukan untuk

meningkatkan taraf hidup masyarakat Felda dan memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Generasi baharu ini akan mengambil alih peranan generasi pertama dalam meneruskan kegiatan ekonomi secara mampan sekali gus mengukuhkan lagi organisasi Felda. Pemimpin belia yang mempunyai kualiti dalam kepimpinan, berpengaruh, sanggup berkorban untuk kepentingan organisasi, kreatif dalam kepimpinan, berinovasi, dan berkemahiran dalam komunikasi merupakan ciri penting dalam menjana kecemerlangan (Hassan, 2015). Hal ini menjadikan pembinaan jati diri seseorang belia sebagai agenda utama bagi sesebuah negara (Suhaimi, John Abdullah, Arshad, Yeon, Azhar, & Ayub, 2016). Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk melihat kebergantungan yang wujud dalam kalangan belia menerusi perspektif pemimpin belia di 11 wilayah Felda yang dikenal pasti.

Sorotan Literatur

Idea kebergantungan muncul daripada laporan penyelidikan yang ditulis oleh sebuah kumpulan yang dipimpin oleh Raul Prebisch pada tahun 1950-an dan penulisan yang dihasilkan oleh Cardoso dan Faletto pada pertengahan 60-an (Hamza, Muharrem, & Yüksel, 2005). Konsep 'kebergantungan' semakin digunakan sebagai penjelasan komprehensif mengenai keadaan yang mundur atau tidak membangun (Lall, 1975). Frasa 'kebergantungan' telah digunakan dalam pelbagai bidang ilmu. Perkara ini menjadikan istilah ini sangat versatil dan mempunyai maksud yang meluas. Sebagai contoh dalam bidang psikologi sosial, Clark dan Willems (1969) telah menyenaraikan enam jenis kebergantungan yang berbeza iaitu: (1) sosioekonomi, (2) pembangunan, (3) kebergantungan krisis, (4) kebergantungan peranan bukan timbal balik (5) kebergantungan neurotik dan (6) kebergantungan sebagai sifat watak yang dikendalikan secara budaya.

Kebergantungan atau 'dependency' di dalam kajian ini dapat didefinisikan sebagai suatu sikap atau kepercayaan oleh sesebuah kelompok masyarakat berasa tidak mampu untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri tanpa pertolongan pihak luar (Bartle, 2012). Konsep kebergantungan juga boleh ditakrifkan sebagai "penjelasan mengenai pembangunan ekonomi negara dari segi pengaruh luar seperti politik, ekonomi dan budaya menerusi dasar pembangunan negara (Hamza et al., 2005). Pernyataan ini turut disokong oleh Gordon (1982) yang menyatakan kebergantungan utama adalah ketara menerusi kebergantungan terhadap ekonomi daripada mereka yang berkuasa yang menyumbang kepada kebergantungan politik atau penyumbang kepada kuasa.

Menurut Bourdieu (1986), budaya merujuk kepada sesuatu dalam bentuk yang konkrit termasuklah dalam bentuk seni, sastera, monumen dan sebagainya. Bourdieu telah mengkategorikan modal budaya kepada tiga bentuk, iaitu *embodied state*, *objectified state* dan *institutionalized state*. Bagi Redford, Johnson, dan Honnold (2009) pula, budaya dijadikan sebagai aset dalam aktiviti ekonomi yang berasaskan elemen kebudayaan, sama ada yang merangkumi warisan budaya, monumen dan sebagainya yang boleh dimanfaatkan untuk ekonomi sesebuah kawasan termasuklah untuk aktiviti pelancongan.

Kesamaan yang jelas antara kedua-dua pandangan tersebut ialah mengaitkan modal budaya sebagai aset untuk dimanfaatkan dalam aktiviti ekonomi. Sama ada

dalam konteks sosiologi atau antropologi, pengenalpastian 'budaya' sebagai manifestasi amalan hidup sesebuah komuniti ditafsirkan dengan lebih mendalam dan tidak hanya melibatkan elemen kebudayaan dalam bentuk adat resam sahaja, sebaliknya merangkumi nilai dan norma yang mana sifatnya lebih realistik dan kompleks (Zal, 2017). Møllegaard dan Jæger (2015) menghuraikan makna modal budaya yang merangkumi nilai yang dipegang dan diterjemahkan dalam bentuk gaya hidup.

Melalui budaya kebergantungan ini bermaksud keadaan di mana ekonomi negara-negara tertentu dikendalikan oleh pengembangan ekonomi (Stein, 1993). Kogel (2005) menyifatkan kebergantungan belia kepada ekonomi akan menyebabkan kegagalan ekonomi sesebuah negara. Hal ini pastinya berkait rapat dengan Kepimpinan Belia Felda dengan budaya kebergantungan mereka kepada Felda dalam melaksanakan aktiviti, projek atau program. Kebergantungan akan menyebabkan seseorang itu perlu sentiasa dikawal selia dan memerlukan garis panduan untuk berfungsi. Keadaan ini jelas berlaku dalam kalangan Pemimpin Belia Felda yang dibuktikan melalui sikap kebergantungan Pemimpin Belia Felda ini adalah setiap aktiviti yang mereka ingin laksanakan seperti Mesyuarat Agung, Program Sukan, Program gotong-royong dan beberapa program lain harus dibimbing dan harus dibantu dari segi pengelolaan majlis dan urusan kewangan dan bajetnya. Oleh yang demikian, sejauh mana kebergantungan belia di tanah rancangan Felda di Malaysia? Justeru, objektif kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti elemen-elemen budaya kebergantungan dari perspektif pemimpin belia di wilayah Felda terhadap dana kewangan institusi Felda.

Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap pemimpin belia wilayah Felda menerusi kaedah kualitatif sebagai reka bentuk kajian. Pemilihan kaedah kualitatif ini diaplikasikan adalah untuk membantu pengkaji memahami konsep kebergantungan secara mendalam menerusi temu bual yang dijalankan bersama pemimpin belia Felda. Keadaan ini selaras dengan pendapat pengkaji terdahulu (Denzin & Lincoln, 2018) yang menyatakan kaedah lain kurang berkesan dalam menghuraikan situasi yang kompleks secara mendalam.

Dalam kajian ini, seramai 11 orang pengerusi atau ketua pemimpin belia yang mewakili sebelas wilayah Felda yang dipilih sebagai responden kajian (rujuk Jadual 1). Pemilihan responden kajian ini disebabkan mereka merupakan pemimpin belia di wilayah Felda. Pemilihan sampel ini adalah bersesuaian dengan pensampelan bertujuan digunakan bagi mendapatkan maklumat secara terperinci daripada individu yang dijadikan sampel kajian (Creswell, 2009). Pemilihan responden ini adalah berdasarkan kriteria; latar belakang, pendidikan, dan pengalaman seperti yang telah digariskan oleh Merriam (2009).

Oleh itu, responden terdiri daripada pemimpin belia yang mempunyai latar belakang yang pelbagai, terlatih dalam bidang pengurusan sumber manusia dan berpengalaman dalam menguruskan persatuan. Kajian ini memberi responden peluang menjelaskan dengan lebih terperinci berkaitan pemahaman beliau terhadap konsep kebergantungan mereka terhadap bantuan Felda. Bagi memastikan responden menjawab berdasarkan kehendak kajian, mereka akan diterangkan dengan teliti mengenai peranan mereka dalam kajian ini (Alias & Balakrishnan,

2016). Seterusnya penyelidik menggunakan pendekatan *peer review* untuk tujuan validasi data. Menurut Gallo et al. (2014), kaedah tersebut dapat memberi hasil yang signifikan dalam mengenal pasti sesuatu isu yang dikaji.

Analisis secara tematik telah dijalankan bagi mengenal pasti tema-tema yang muncul hasil daripada analisis terhadap transkripsi responden.

Jadual 1
Senarai Responden Pemimpin Belia Felda

Pemimpin Belia (PB)	Wilayah	Pengalaman Sebagai Pemimpin Belia (Tahun)
PB 1	Johor Bharu	18
PB 2	Sahabat	11
PB 3	Mempaga	10
PB 4	Jengka	13
PB 5	Gua Musang	18
PB 6	Terengganu	6
PB 7	Raja Alias	11
PB 8	Segamat	7
PB 9	Alor Star	11
PB 10	Kuantan	11
PB 11	Trolak	7

Hasil Kajian dan Perbincangan

Kajian yang dilaksanakan terhadap pemimpin belia di 11 wilayah Felda telah menemui pembentukan kebergantungan pemimpin belia terhadap institusi Felda menerusi kebergantungan mereka terhadap dana kewangan. Kebergantungan terhadap dana kewangan ini telah membawa penyelidik kepada kemunculan tiga tema asas (TA) iaitu 1) Pemberian dana daripada Felda untuk menjalankan program / aktiviti, 2) Pemberian dana oleh pihak Felda untuk menjalankan aktiviti ekonomi; dan 3) Program penajaan pendapatan oleh Felda.

1. Tema Asas TA-1: Sentiasa mengharapkan pemberian dana daripada Felda untuk menjalankan program / aktiviti sosial

Felda juga turut memberi dana bagi menjalankan program untuk menajayakan pelbagai program kepada golongan belia di Felda. Keadaan ini dapat dibuktikan melalui kenyataan responden pemimpin belia PB 1 dan PB 2. Selain daripada itu juga, menurut pemimpin belia PB 3 golongan belia di Felda masih lagi perlu dibantu menerusi dana.

"Sebelum-sebelum ni memang apabila nak buat aktiviti dan sebagainya memang kita mohon dana daripada FELDA lah sebab kebanyakan daripada Majlis Belia Felda ni kita takde sumber ekonomi sendiri lah tu menyebabkan kita mintak dana daripada FELDA."

(PB 1)

"Contoh, kita ada buat satu kerja, macam gotong-royong lah, macam bersihkan kawasan kampung, ataupun kita menyampaikan sumbangan, dia orang mengharapkan bila kita masuk ikut serta dalam program tu dia orang akan dapat elaun."

(PB 2)

"Ok, kalau kepada saya sendiri errr kalau melihatnya Persatuan Belia MBFM di FELDA ni, errr masih lagi perlu dibantu dari segi dana."

(PB 3)

Menerusi dapatan, memperlihatkan pemimpin belia masih bergantung kepada pihak Felda untuk menjalankan

pelbagai aktiviti dan program. Keadaan ini adalah disebabkan oleh Felda yang dilihat sebagai peneraju utama dalam menjalankan pelbagai program kepada komuniti mereka. Keadaan ini dapat dijelaskan menerusi kajian Khieng & Dahles (2015) yang menyatakan bahawa keperluan dana daripada sesebuah institusi untuk sesebuah badan bukan kerajaan (NGO) dalam membantu menjalankan program dan misi mereka. Kerana program aktiviti sosial ini dilihat membebaskan dan tiada pulangan yang dilihat menguntungkan dari aspek material kepada institusi (Effendy, 2015).

2. Tema Asas TA-2: Sentiasa mengharapkan pihak Felda untuk memberi dana untuk menjalankan aktiviti ekonomi

Pemberian dana oleh pihak Felda untuk menjalankan aktiviti ekonomi adalah muncul hasil daripada analisis naratif pemimpin belia PB 3 yang menyatakan bahawa mereka diberi lot tanah oleh pihak Felda untuk diusahakan bagi menajana pendapatan. Di samping itu, mereka turut dibantu oleh pihak Felda menerusi program pertanian, penternakan pembangunan dan usahawan sebagaimana yang dinyatakan oleh pemimpin belia PB 4 dan PB 7.

"Contoh, jika pihak FELDA dapat memberi satu kawasan lot tanah untuk diusahakan oleh persatuan belia ni, menajana pendapatan daripada segi ekonomi lah."

(PB 3)

"Membantu belia-belia ataupun generasi baru untuk meningkatkan ekonomi lah tak kiralah daripada segala aspek lah. Pertaniannya, penternakan, pembangunan, usahawan, apa semua lah."

(PB 4)

"Kalau ikutkan kita memang ada yang kita mengharapkan daripada pihak FELDA untuk membantu kita menjalankan program-program ni, sedikit dana lah untuk kita menggerakkan jadi, dan saya jugak berterima kasih kepada FELDA jugalah sebab apa aaa yang saya tertarik adalah penyediaan program PPP lah, Program Pembangunan Peneroka itu yang bagi saya dia ibarat, macam mana kita bagi pancing, kita tak bagi ikan."

(PB 7)

Menerusi dapatan juga jelaslah di sini bahawa belia turut mengharapkan dana daripada pihak FELDA untuk menjalankan ekonomi mereka menerusi penyediaan lot tanah dan program keusahawanan. Hasil kajian ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Zainah, Syariffanor dan Shariffah (2018) yang memberi penekanan kepada keperluan seperti motivasi, latihan dan sokongan kewangan menjadi keperluan untuk mewujudkan pengurusan kemiskinan belia melalui modal komuniti dalam usaha memapankan belia menerusi aktiviti ekonomi.


3. Tema Asas TA-3: Sentiasa mengharapkan program penjana pendapatan oleh FELDA

Memberi peluang menjana pendapatan pula muncul menerusi naratif informan pemimpin belia PB 7 dan PB 9 yang menyatakan mereka dibantu oleh FELDA bagi menjana pendapatan menerusi projek ekonomi yang diberikan kepada mereka.

“Jadi yang kedua, untuk FELDA kita maklum FELDA ada menyediakan peluang menjana pendapatan untuk peneroka lah maksudnya program PPP baru-baru ni bermakna ada badan-badan yang boleh memohon seperti salah satunya MBFM lah. Dan saya gerakkan semua persatuan belia ni untuk memohon dana-dana untuk PPP ni daripada FELDA, contohnya projek arnab, tilapia dan sebagainya lah.”

Rajah 1

Budaya Kebergantungan Pemimpin Belia FELDA Terhadap Dana Kewangan FELDA



Kesimpulan

Menerusi dapatan kajian kebergantungan terhadap dana kewangan FELDA oleh pemimpin belia FELDA dapat dilihat bagi mereka menjalankan pelaksanaan program sosial, menjalankan aktiviti ekonomi dan penjana pendapatan. Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan kepada mereka untuk menjadi selesa dengan budaya kebergantungan ini. Keadaan ini perlu diatasi kerana pemimpin belia merupakan aset penting FELDA yang bakal menjadi peneraju tanah rancangan FELDA dalam membangunkan kelompok komuniti mereka pada masa hadapan. Mereka juga perlu dipersiapkan bermula

(PB 7)
“Aaa...point yang pertama saya bagi tahu tadi aaa first sekali mungkin FELDA boleh sediakan projek-projek ekonomi yang menjana kewangan.”

(PB 9)

Program penjana pendapatan ini bukan sahaja melibatkan komuniti FELDA tetapi ia juga turut dijadikan sebagai Dasar Pembangunan Luar Bandar Budaya melalui pelbagai aktiviti ekonomi untuk dimanfaatkan oleh komuniti luar bandar (Economic Planning Unit, 2015). Namun, budaya kebergantungan ini akan memberi kesan terhadap proses pembangunan mereka yang menyebabkan mereka sentiasa dikuasai oleh pihak agensi atau pihak luar yang lama kelamaan akan berada di luar kawalan mereka (Khieng & Dahles, 2015).

Gabungan ketiga-tiga elemen ini telah membantu pengkaji untuk membangunkan tema budaya kebergantungan terhadap dana kewangan untuk menjalankan aktiviti belia sebagai tema utama bagi dapatan kajian ini (rujuk Rajah 1). Keadaan ini menjelaskan bahawa pemimpin belia FELDA menjadikan kebergantungan sebagai budaya mereka terutama sekali dalam aspek dana kewangan daripada Pihak FELDA.

daripada sekarang supaya mampu menggalas tanggungjawab tersebut.

Selain daripada itu, pihak-pihak yang berkaitan juga perlu mengetengahkan cara lain seperti pengenalan kepada bidang keusahawanan di sesebuah rancangan FELDA bagi memberi peluang kepada golongan belia untuk lebih berusaha untuk memperkukuhkan ekonomi mereka tanpa perlu bergantung kepada pihak-pihak yang tertentu terutama sekali golongan pemimpin belia di FELDA. Kajian berkaitan pemahaman para pemimpin belia terhadap konsep kebergantungan perlu dikaji secara lebih mendalam serta menyeluruh bagi mendapatkan gambaran sebenar budaya kebergantungan ini oleh pengkaji-pengkaji akan datang.

Rujukan

- Alias, A. M., & Balakrishnan, V. (2016). Impak kesukarelawan dalam kalangan belia di Kuala Lumpur: Suatu kajian. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(4), 25–43.
- Bartle, P. (2012). Dependency Syndrome. Retrieved September 17, 2021, from <http://cec.vcn.bc.ca/cmp/modules/pd-dep.htm>
- Bourdieu, P. (1986). The forms of capital. In *Handbook of Theory and Research for the Sociology of Education* (pp. 1–543). Greenwood: Westport, CT. <https://doi.org/10.4324/9780429494338>
- Clark, R. D., & Willems, E. P. (1969). Where is the risky shift? Dependence on instructions. *Journal of Personality and Social Psychology*, 13(3), 215–221. <https://doi.org/10.1037/h0028277>
- Creswell, J. W. (2009). *Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. United States of America: Sage Publications. <https://doi.org/10.4135/9781452243931.n7>
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2018). *SAGE Handbook of qualitative research* (Vol. 195). California: Sage Publications. <https://doi.org/10.1007/s11229-017-1319-x>
- Economic Planning Unit. (2015). Kertas Strategi 4: Mentransformasi Luar Bandar untuk Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat. *Rancangan Malaysia Kesebelas*, 14.
- Effendy, Z. (2015). *Inovasi sosial dalam era baru keusahawanan belia*. Kementerian Belia dan Sukan.
- Gallo, S. A., Carpenter, A. S., Irwin, D., McPartland, C. D., Travis, J., Reyniers, S., ... Glisson, S. R. (2014). The validation of peer review through research impact measures and the implications for funding strategies. *PLoS ONE*, 9(9). <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0106474>
- Gordon, W. (1982). Institutionalism and dependency. *Journal of Economic Issues*, 16(2), 228–232.
- Hamza, A., Muharrem, E., & Yüksel, B. (2005). Dependency theory: Still an appropriate tool for understanding the political economy of the middle-east? *Iktisadi ve Idari Bilimler Dergisi*, 19(2), 247–262.
- Hassan, R. (2015). Mendeapani cabaran kepemimpinan belia. *Malaysian Youth Council*, 1–5.
- Joseph, P. (2016). *Dependency Theory. The SAGE Encyclopedia of War: Social Science Perspectives*. <https://doi.org/10.4135/9781483359878.n191>
- Khieng, S., & Dahles, H. (2015). Resource dependence and effects of funding diversification strategies among NGOs in Cambodia. *Voluntas*, 26(4), 1412–1437. <https://doi.org/10.1007/s11266-014-9485-7>
- Kogel, T. (2005). Youth dependency and total factor productivity. *Journal of Development Economics*, 76(1), 147–173.
- Lall, S. (1975). Is “dependence” a useful concept in analysing underdevelopment? *World Development*, 3(11–12), 799–810. [https://doi.org/10.1016/0305-750X\(75\)90081-9](https://doi.org/10.1016/0305-750X(75)90081-9)
- Merriam, S. M. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation Revised and Expanded Applications in Education Research and Case Study from Qualitative*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd Uzaini, M. S., & Suhana, S. (2012). Perlaksanaan dan cabaran penglibatan belia dalam parlimen belia Malaysia. *E-Bangi*, 15(1), 1–17.
- Møllegaard, S., & Jæger, M. M. (2015). The effect of grandparents’ economic, cultural, and social capital on grandchildren’s educational success. *Research in Social Stratification and Mobility*, 42, 11–19. <https://doi.org/10.1016/j.rssm.2015.06.004>
- Mollona, E., Aivazidou, E., Barberio, V., Cunico, G., & Pareschi, L. (2019). Social assistance and the dependency syndrome. *Chronic Poverty Research Centre*, (August), 14. <https://doi.org/10.6092/unibo/amsacta/6247>
- Namkoong, Y. (1999). Dependency theory: Concepts, classifications, and criticisms. *International Area Studies Review*, 2(1), 121–150. <https://doi.org/10.1177/223386599900200106>
- Redford, J., Johnson, J. A., & Honnold, J. (2009). Parenting practices, cultural capital and educational outcomes: The effects of concerted cultivation on academic achievement. *Race, Gender, & Class*, 16(1), 25–44.
- Stein, L. (1993). Dependency theories and underdevelopment. *Journal of Economic Studies*, 6(1), 64–85.
- Suhaimi, S., John Abdullah, S. A., Arshad, R., Yeon, A. L., Azhar, A., & Ayub, Z. A. (2016). Penyertaan Belia dalam Pembuatan Keputusan Melahirkan Kemahiran Kepimpinan. In *The International Conference on Government & Public Affairs*.
- United Nation. (2013). Issue Brief: Youth participation. Retrieved September 15, 2021, from <https://www.un.org/esa/socdev/documents/youth/fact-sheets/youth-participation.pdf>
- Wilber, C. K. Y. (1991). *The Political Economy of Development and Underdevelopment*. McGraw-Hill College.
- Zainah, S., Syarifanor, H., & Shariffah, M. (2018). Yours’17: Ke arah aspirasi belia masa hadapan. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 19, 154–167.
- Zal, W. A. A. (2017). Modal budaya dan kesannya ke atas kebergantungan kerja komuniti nelayan di Malaysia: Kajian kes nelayan Kuala Terengganu. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 12(4), 158–168.